

Azmin gesa sokong Dr M, Wong Chen pula kata Dr M perlu sedar

Malaysiakini

18 November 2019

Arief Izuadin Ahmad Jefferi

Menyedari keputusan pilihan raya kecil di Tanjung Piai dilihat sebagai satu “teguran” rakyat terhadap Pakatan Harapan, Timbalan Presiden PKR, Mohamed Azmin Ali menyeru pemimpin serta ahli-ahli parti untuk mendukung kepimpinan Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad.

“Namun, ini bukanlah masanya untuk anggota dan kepimpinan Pakatan Harapan menuding antara satu dengan lain dan mengambil kesempatan mempertikaikan pimpinan gabungan ini.

“Serangan terhadap mana-mana pemimpin hanya akan terus melemahkan Pakatan Harapan dan keberkesanan untuk mentadbir dan mengurus negara.

“Saat ini adalah untuk PH bersama-sama menyatukan tenaga dan menghadapi kenyataan secara kolektif. Keputusan ini merupakan satu cabaran kepada setiap anggota dan barisan pimpinan PH untuk membuktikan bahawa kita mampu

meneruskan kerjasama dan mengharungi cabaran sebagai satu pasukan," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Azmin yang juga menteri hal ehwal ekonomi berkata mengulas susulan kemenangan calon BN, Wee Jeck Seng dari MCA, yang merampas kerusi Parlimen Tanjung Piai dari PH dengan majoriti 15,086 undi.

"Saya menyeru agar setiap anggota dan pimpinan PH untuk terus memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada Dr Mahathir Mohamad, perdana Menteri Malaysia dan pengerusi PH untuk terus memimpin negara dan gabungan parti," katanya.

Walaupun berada dalam PKR, Azmin kini dilihat rapat dengan Mahathir berbanding Presiden PKR Anwar Ibrahim yang juga dijangka bakal menggantikan perdana menteri itu.

"Kekalahan memberikan kita lebih banyak pengajaran daripada kemenangan. Marilah kita bersikap tawaduk dan mengambil iktibar dari kekalahan serta menggilap azam baru agar kekuatan gabungan terus diperkukuhkan," katanya.

Azmin menambah, gabungan PH perlu membuktikan kepada rakyat bahawa mereka tetap komited terhadap mandatnya dan akan terus berjuang untuk

kepentingan rakyat supaya keyakinan mereka terhadap gabungan itu dapat dipulihkan.

Bagaimanapun, rakan parti seangkatannya, ahli Parlimen Kelana Jaya Wong Chen berbeza pandangan berhubung penilaiannya terhadap kepimpinan Mahathir, dengan mengatakan bahawa perdana menteri itu perlu bersiap sedia dengan rancangan permainan baru.

“Sementara anda menyalahkan prestasi sesetengah menteri, anda juga boleh menyalahkan beberapa penjawat awam yang tidak bekerjasama seperti satu organisasi, di mana ketua pegawai eksekutif yang banyak bertanggungjawab.

“Oleh itu, sebahagian besar kesilapan tersebut akan ditujukan kepada Mahathir juga,” katanya dalam hantaran Facebook malam tadi.

“Saya dengan rasa rendah hati berpendapat, perdana menteri perlu menyedari bahawa beliau memerlukan rancangan permainan baru secepat mungkin.

“Dengan itu, beliau perlu mempertimbangkan satu pembaharuan atau kita (PH) akan berisiko kepada lebih banyak kekalahan,” katanya.

Jejas ekonomi, kata Wong Chen

Wong Chen berkata ia mengecewakan bahawa selepas 18 bulan kerajaan PH mentadbir, tidak sebarang pembaharuan sistemik dalam parlimen, atau pengurangan kuasa berlebihan perdana menteri.

Beliau berkata kekangan tempoh untuk menyerahkan jawatan Mahathir kepada Anwar menjejaskan ekonomi.

"Para pelabur mempunyai wang dan hasrat untuk melabur tetapi terpaksa bertahan kerana tiada ada garis masa pengambil alihan (jawatan) yang jelas," tulisnya.

Pada masa sama, Wong berkata tidak langkah yang konkrit untuk menyelesaikan masalah kos sara hidup, masalah monopoli, oligarki, serta menyentuh isu gaji minima yang dilihat bergerak amat perlahan tetapi pembangunan projek mega berjalan dengan sangat aktif.

Beliau juga menyuarakan kebimbangannya berhubung situasi Malaysia yang sering kali terpalit dengan isu-isu berunsurkan perkauman sesama sendiri.

"Nampak seperti pandangan dan pertimbangan pemikiran yang bernas sangat rendah.

“Setiap hari kita lihat lebih banyak masalah politik, ketiadaan perancangan yang sebenar untuk menyelesaikan masalah ekonomi,” katanya.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malysiakini.com/news/500236>